

# **BAHAYA-IKTIKAD YANG SESAT LAGI MENYESATKAN**

Kita telah menerima berpuluhan-puluhan surat daripada Kuching, Sarawak beserta dengan beberapa naskah akhbar

Utusan Sarawak yang di dalamnya meminta perhatian kita terhadap kepada agama bahaya yang pada masa ini seorang penyerunya telah datang ke sana untuk menyeru orang supaya mengikut kepada agama bahaya itu. Melihat kepada langkah itu maka terbitlah pertetangan di sana daripada pihak kaum Muslimin oleh kerana ada cara-cara yang dibawa oleh penyeru agama itu bertujuan menangguk di air yang keruh yakni berikhtiar sedapatnya memasukkan faham-fahamnya ke dalam lingkungan orang Islam sehingga boleh jadi dengan kerananya harus orang-orang yang tidak berpengetahuan nanti akan terikut kepada langkah-langkahnya dan dengan sebab itulah kita suka-suka menulis di sini-menerangkan tentang perkara-perkara bersangkutan dengannya.

## **SESAT MENYESATKAN**

(Oleh Ahmad Lutfi)

Sebelum mereka meriwayatkan apa dia agama bahaya itu, supaya mudah pembaca mendapat kenyataan yang terang maka di bawah ini saya ringkaskan maksud tulisan yang di tulis oleh Jamshid Pozdar seorang penyeru bahawa di Kuching, Sarawak dalam satu tulisannya yang tersiar di dalam Utusan Sarawak pada 1 Mei 1952 yang menunjukkan pengakuannya:

1-“Bahaya percaya dengan Muhammad, dan Quran,

dan juga agama Kristian, Jodaimur, Buddha,  
dan agama-agama yang lain diturunkan oleh Tuhan....”

(ertiinya campur aduk-P)

2-“Agama yang dibawa dan dipimpin oleh Muhammad itu bukannya tetap betul....”

3-“Muhammad itu bukannya Nabi....” ialah Rasul Allah dan dia membawa buku al-Quran.

4-“Baha’ Allah dan Pesuruhnya Mirza Ali Muhammad Baba itulah Rasul yang ditunggu-tunggu oleh dunia” (Mirza Ali Muhammad bergelar “Albab” dan kaum ini bergelar “Albabiah”. Dengan itu tiap-tiap orang daripada kumpulan tersebut bergelar

“Albab” menurut jalan bahasa Arab- P)

5. Orang bahaya sembahyang sehari semalam tiga kali -katanya! Dalam Quran pun mengatakan tiga kali juga “.....”(di mana dia belajar?-P)

6. Bahaya ialah satu kumpulan agama daripada bermacam-macam bangsa dan agama yang beroleh satu kesatuan yang sebenar-benarnya.

Sekianlah ringkasan tulisan Jamshid Pozdar itu. Daripada satu hingga enam masalah itu sudah terang kepada tiap-tiap orang Islam bahawa bahaya itu bukan Islam bahkan agama yang menyesatkan. Dalam bahagian pertama terang dan jelas penyebar-penyebar itu menyebarkan bahawa ia menjadikan agama-agama itu campuran. Adakah pernah seseorang Islam akan mencampurkan faham-faham dan iktikad-iktikadnya selain daripada yang diturunkan dan ditunjukkan oleh al-Quran dan al-Hadith? Selain daripada itu pada pendapat kita mudah tetap orang yang berpendapat selain daripada itu bukan orang Islam. Tidak ada orang yang boleh menafikan kebenaran agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahuaihiwasallam itu ialah agama yang benar dan sempurna kerana iai ialah Islam yang telah sempurna dan di redhai oleh Tuhan sebagaimana firman Allah yang akhir yang turunnya dalam masa Hajat al-Wada’.

Di dalam hujahnya dari satu sampai ketiga itu tidak payah kita hendak mengulasnya demikian juga di dalam keterangan yang keempat itu sebagai satu akuan yang tidak ada keterangan bagi menegakkan melain daripada membawa orang kepada jalan kesesatan oleh kerana tidak ada Rasul atau Nabi kemudian daripada Muhammad (SAW)

Di dalam perkara yang kelima maka di sini sudah terang bahawa bahaya itu tidak mengikut syariat. Nabi Muhammad (SAW). Bahaya sembahyang hanya tiga kali sehari padahal agama Islam telah menyuruhkan sembahyang lima kali sehari dengan suruhan itu difirmankan di dalam al-Quran yang halya firmannya (maksudnya): Dirikanlah sembahyang kerana sembahyang itu suatu kewajipan yang ditentukan oleh waktunya atas manusia.

Daripada keterangan ini nyata bahawa telah ditentukan wajib bagi tiap pun muslimin menuaikan sembahyang dengan ditentukan waktu-waktunya dan waktu-waktu itu ada ditentukan dengan sabda Rasul Allah (SAW) yang maksudnya “telah datang seorang Arab gunung lalu bertanya: Ya Rasulullah, khabarkanlah kepada saya sembahyang apakah yang berfardhukan oleh Allah atas saya? Jawab Rasul Allah; sembahyang yang lima, kecuali kalau muah sembahyang sunat” (hadith sahih riwayat Bukhari dan Muslim)

Dengan keterangan ini bagi orang-orang Islam adalah nyata bahawa waktu sembahyang itu lima kali sehari dan ada hadith menentukan saat-saatnya dan dengan itu pembaca-pembaca dapat menghukumkan di mana letaknya orang yang sembahyang tiga kali sehari yang mengatakan pula bahawa perintah itu daripada Quran.

Rasanya tidaklah payah dengan panjang saya mengulas perihal kesesatan satu persatu tetapi memadai dengan yang sedikit ini oleh kerana keadaannya sudah cukup terang dan nyata dan sebab itulah diharap sekalian kaum Muslimin menjauhi daripada tipu daya, pujuk rayu daripada mana-mana jua yang menjawab memalingkan kepercayaan dan keyakinan kita daripada berpindah kepada al-Quran dan al-Hadith-kerana itulah sahaja pertunjuk yang harus kita ikut tidak kepada kepercayaan yang bukan-bukan yang bakal

menyesatkan kita. Ingatlah bahawa agama Islam itu bukanlah agama ikut-ikutannya atau agama taklid buta tetapi ia agama bagi orang yang berakal, agama bagi orang yang mempunyai fikiran yang waras dan sempurna.

Untuk menerangkan kepada pembaca-pembaca yang lebih jelas bagaimana sebenarnya keadaan dan kedudukan kaum bahaya dan kesesatan-kesesatan iktikad marilah pembaca-pembaca memerhati tulisan al Syed Muhammad al-Khadir Hussin di dalam majalah Nur al-Islam yang telah mengupas dengan terang dan jelas kedudukan kaum bahaya itu dengan katanya:

Pada mulanya puak ini bergelar “Al-Babiah” nisbah kepada nama pengasasnya “Mirza Ali Muhammad” yang bergelar “Al-Babi” tetapi menakala khalfahnya “Mirza Hussin Ali” yang bergelar “Baha’ Allah” menggantikan maka puak ini telah bersalin kulit lalu bergelar “Al-Baha’iah” nisbah kepada khalfah yang baharu “Baha’ Allah” yang tersebut itu.

## SELAMAT HARI RAYA

SINGAPORE RATTAN & CANE MART  
EXPORTERS, IMPORTERS & COMMISSION AGENTS.

-----\*-----\*

### NUNE BULIDING, No.35

Post Box No 1245, Singapore.  
9, Malacca Street Singapore.

-----\*-----\*

Beniaga barang-barang rotan, semambu, berbagai-bagai jenis rotan serta hasil-hasil bumi. Mempunyai perhubungan terus ke Pakistan, India, Mangra dan Timur Tengah silalah bertanya kerana membeli atau menjual

Tuan Punya:

Muhammad Hassan

(Yang dipertua Persekutuan Pemuda-Islam)

### Asal Usulnya

Mirza Ali Muhammad yang menjadi pengasa puak ini telah dilahirkan di “Shiraz”—Selatan Iran.

Dalam masa umrunya 25 tahun ia telah menisyiharkan bahawa dirinya ialah “Mahdi” yang ditunggu-tunggu, Dakwaannya ini telah dihebahkan dalam tahun 1260 H. Suatu majlis bahas telah diadakan di antaranya dengan ulama Iran yang berakhir ia dikafirkhan kerana iktikadnya yang penuh dengan kufur yang berterus-terang itu.

Tatkala kerajaan Iran menangkapnya di “Tabriz” dalam masa perintahnya Shah Nasir al-Din maka bangkitlah pertempuran yang telah mengalirkan darah di antara pengikut-pengikut dengan orang-orang Islam akibahnya ia telah dihukum gantung di Tabriz dalam tahun 1265 H.

Khalifahnya Mirza Hussin Ali bergelar “Baha’ Allah” tidak berapa antaranya ditangkap lalu dipenjarakan beberapa bulan di Tehran dan kemudiannya telah dibuang negeri

ke Baghdad. Memandang pergerakan puak ini berbahaya maka

kerajaan Turki yang sedang berkuasa di Iraq pada masa itu telah mengasingkan dia bersama-sama pengikut-pengikutnya ke Istanbul kemudian ke Diranah.

“Baha’ Allah” ini akhirnya telah digantikan oleh anak-anaknya Abas lalu bergelar “Abdul Baha”.

### Iktikad Puak Ini

Sebenarnya fahaman puak Bahaiah ini tidaklah lain daripada puak “Batiniah” dan untuk mengetahui dengan lebih jelas apakah iktikad mereka maka sudah tentu dikehendaki membongkar fahaman dan pegangan puak “Batiniah” yang tidak kurang bahaya dan bencinya kepada Islam.

Asas yang terdiri di atasnya ajaran-ajaran kaum Batiniah itu ialah tujuannya yang terutama hendak meruntuhkan syariat Islam asal punca puak ini adalah terdiri daripada sekumpulan kaum Majusi yang telah menaruh

(sambungan di muka 43)

Dengan ingatan yang ikhlas mengucapkan:

# SELAMAT HARI RAYA SO BIMADHAJ

Singapura dan Johor Baharu.

# KEDAI BALDU YANG TERKENAL

perasaan busuk tatkala mereka melihar kemajuan dan pengaruh Islam sedang berkembang dengan luasnya kerana mereka telah teringat kekuasaan dan pengaruh daruk moyang mereka pada masa yang lalu telah hancur lebur di saku bersih oleh Islam dengan kebudayaan yang telah banjir meliputi tiap-tiap umat yang telah memeluknya. Mereka pun bermesyuarat sesama sendiri lalu berazam hendak menaburkan racun dengan cara yang amat halus kerana umat Islam yang sedang memuncak tinggi pada masa itu tidak dapat dialahkan mereka dengan pedang.

Kaum Batiniah itu telah mengatur dan menjelaskan ajaran mereka yang meruntuhkan itu dengan beberapa helah yang halus.

Pertama – Menyiasat akan hal orang yang hendak menerima ajaran mereka itu sanggupkah ia menerima atau tidak.

Kedua – Menarik tiap-tiap seorang menurut kecenderungan. Kalau ia zuhud (membuang kesedapan dunia) maka dengan cara zuhudlah ia akan dimasukkan, ke dalam perangkap mereka. Kalau ia gemar kemewahan hidup maka kemewahanlah yang akan dicurahkan kepadanya.

Ketiga – Menaburkan perasaan syak kepada usul-usul Islam.

Keempat – Mengambil sumpah dan janji setia bahawa orang yang akan memasukkan diri dalam kumpulan mereka tidak akan memecahkan rahsia kepada orang lain.

Kelima – Menyokong perjalanan alim ulama dan pembesar-pembesar kerajaan yang berpengaruh supaya ajaran mereka tersiar dengan luasnya.

Keenam – Mengadakan beberapa pendahuluan yang menjadi gula-gula kepada orang-orang yang hendak diajak ke dalam kumpulan mereka.

Ketujuh – Menggalakkan ajaran supaya amal ibadat dikerjakan dengan semudah-mudahnya ingat sahaja dan tak payah

dikerjakan dengan anggota.

Kelapan – Melucutkan seseorang Islam daripada iktikadnya – kepada iktikad mereka yang sesat barat itu.

Mereka telah menggunakan cara yang demikian dengan tujuan hendak memerangi Islam dan meruntuhkan ajaran-ajarannya padahal mereka yang sebenarnya tidak beriman dengan Nabi-nabi kitab-kitab suci dan hari akhirat. Meskipun mereka berdalil dengan ayat-ayat Quran tetapi tidaklah melainkan kerana mereka hendak memutarkan tujuannya yang sebenar.

Mereka yang bertopengkangan mengagung-agungkan keturunan Nabi sebagaimana sikap kaum, "Ismailiyah" yang mengatakan bahawa "Muhammad Bin Ismail Bin Jaafar" ialah Nabi, bahkan mereka mengakui bahawa tiap-tiap zaman tidak luput dengan seorang Nabi sehingga hari kiamat. Bukan seperenggan itu sahaja malah mereka telah mengakui bahawa

## CHOON SUN TAILORS CO.

750 North Bridge Rd,

SINGAPORE.

\*

Kedai tukang jahit yang terkenal. Sedia meotong berbagai-bagi fesyen baju. telah ada siapa baju-baju kemeja daripada kain-kain yang baik dan cantik-cantik potongannya. Cubalah berhubung tentu akan memuaskan tuan-tuan.

\*

Diucapkan

Selamat Hari Raya



Saidina Ali ialah Tuhan dan mereka telah menuharkan

beberapa orang keturunannya.

Tidak terhitung banyaknya bala bencana yang telah

ditimpakan oleh puak Batiniah ini kepada ulama Islami.

Ada yang mengaku Mahdi, ada yang mengaku Nabi dan seterusnya.

Kenang sahaja komplot mereka “kaum Qadiyani” kaum

Taslim”, dan lain-lainnya yang pernah tumbuh hilang berganti

itu.

Di antara ulama Islam yang telah menentang puak Batiniah

ini ialah Hujjatul Islam “Abu Hamid al-Ghazali” di dalam

kitabnya yang bernama “*Hujjatul Haq*” yang telah dikarangnya dalam

bahasa Parsi, dan sebuah kitabnya lagi dengan bahasa Arab

bernama “*Fada’ah al-Batiniah*” (Tembelang Kaum Batiniah).

Ibn al-Arabi telah menyerang mereka dengan hebatnya di dalam

kitabnya “Al-Qawasim wa al-Awasim” (Hujah-hujah yang mematahkan

serangan lawan dan pengikis-pengikisnya?). Demikian juga yang telah

dilakukan oleh ‘Ibnu Taimiyyah’ terhadap golongan yang sesat

barat ini di dalam beberapa buah kitab-kitab karangannya.

Sejarah pergerakan kaum Batiniah telah menggambarkan kepada

kita dengan jelasnya bahawa ruh ajaran mereka telah menyerap

ke dalam tubuh Mirza Ali pengasas “Kaum Babiah” dan

Mirza Hussin pengasas “Bahaiah” perkara ini akan

bertambah jelas apabila di baca kitab-kitab karangan puak Bahaiah

ini seperti kitab-kitab ‘Al-Dirar Bahaiah’ (Misteri yang Indah)

dan “Abdul Bahai wa Al-‘Asr Al-Jadid” (Abdul Bahai dan

zaman baharu)

Mirza Ali pengasas puak Bahaiah ini telah mendakwa

dirinya ialah Nabi lalu dikarangnya sebuah kitab Qurannya

dinamakan “Al-Bayan” di dalam suratnya kepada Al-Alamah Syeikh

Muhammad Al-Lusi penyusun kitab tafsir “Ruh Al-Ma’ani”

yang masyhur itu Mirza Ali ini telah menyerunya supaya

beriman dengannya. Ia telah berterus terang di dalam suratnya

Penerbitan Baharu!

Berhubung dari Sekarang!

**TERANG**

**BULAN**



Penerbitan buku-buku yang baharu-akan berusaha dengan cara yang besar menerbitkan buku-buku dan majalah-majalah

Kesiapan-kesiapan kerananya sedang dibuat. Buku keluarannya

yang pertama hampir siap iaitu: “Perempuan Muat”

Suatu buku terjemahan-asyik dan measyukkan-

terang kupasannya. Senaskah \$1.20 pos 10 Sen.

Pesan kepada:

manager

“TERANG BULAN”

c/o. 356-358, Geylang Road, Singapore 14.

Wakil-wakil yang hendak menjadi wakil penjual diminta

berhubung terus kepada penguasa.

## **MINYAK RAMBUT KERINTING PARIS**

telah terkenal di mana-mana kerana baik dan harum baunya.



dibuat oleh:

**THE ROYAL TRADERS**

745, North Bridge Road, Singapore 7.

Berniaga segala jenis air wangi dan

alat-alat berkenaan dengannya.

mengatakan dirinya ialah Nabi dan orang-orang yang tidak memeluk agama yang dibawahnya belumlah mereka menjadi Islam.

Ia juga telah mendakwa bahawa gama yang di bawahnya telah memansuhkan agama Islam kerana ia telah membentuk undang-undangnya yang telah menyalahi ajaran Islam. Puasa telah dijadikan olehnya hanya sembilan belas hari sahaja, dan Khalifahnya Mirza Hussin "Bahai Allah" telah menjadikan sembahyang hanya sembilan rakaat sahaja sehari semalam.

Kesimpulannya bahawa mazhab kaum "Babiah" atau "Bahaiah" adalah suatu mazhab yang campur aduk daripada beberapa agama dan fahaman pengarang kitab "Miftah Babul al-Abwab" mensifatkan puak ini katanya: Mereka mempunyai agama yang khas iaitu campurang daripada agama-agama-Buddha, Brahmin, Zarithoshiah, Yahudi, Kristian dan Islam" serta daripada fahaman-fahaman ahli Sufi dan puak Batiniah.

Ajaran puak Bahaiah yang telah terang hendak meruntuhkan Islam dalam masa yang akhir ini telah menggunakan suatu langkah baharu. Khalifah mereka yang ketiga iaitu Abbas yang bergelar "Abdul Baha" dengan tujuan hendak menyelimuti mazhabnya yang telah ketara tembelangnya itu lalu dia mencampurkan dengan beberapa perkara yang sedang dihebohkan orang pada masa ini iaitu perkara-perkara yang mengenai soal kemajuan dan keamanan dunia—seperti persamaan di antara kaum lelaki dengan perempuan dalam pelajaran 'Perlucutan Senjata' Persetujuan bangsa-bangsa menggunakan suatu bahasa yang akan diakarkan di seluruh dunia. Mendirikan mahkamah am yang akan membicarakan perbalahan bangsa-bangsa. Menggalakkkan fahaman Darwin yang mengatakan asal manusia telah meningkat sedikit demi sedikit dari makhluk yang serendah-rendahnya kepada keadaannya yang ada sekarang ini, menyeru kepada keamanan dunia dan melontarkan perasaan taksub di dalam agama.

Telah terbayang kepada 'Abdul Baha" penganjur kaum Bahaiah ini bahawa dengan memasukkan fahaman tersebut di dalam mazhabnya akan dapat menarik angkutan baharu yang gilakan tiap-tiap benda-benda yang baharu dan kerana inilah ia telah berkata sebagaimana

yang tersebut di dalam kitab: Abdul Bahai wal Bahaiah".

Ajaran-ajaran "Baha' Allah" (Mirza Hussin Khalifah yang kedua) seliputi segala cita-cita dan tuntutan-tuntutan seluruh kaum manusia baik yang berdasarkan agama atau siasah ataupun akhlak, dan baik yang terbitan daripada puak-puak tua atau puak angkatan baharu, sekaliannya akan mendapat di dalamnya (mazhab Bahaiah) suatu agama am yang sangat-sangat sesuai dengan zaman yang ada ini dan sesuai dengan percaturan siasah yang mengenai alam manusia."

Adakah Mereka Berimankan Nabi Muhammad ?

Sebenarnya mereka tidak berimankan Nabi Muhammad bahkan penganjur mereka sendiri Mirza Ali yang bergelar "Al-Bab" telah mendakwa dirinya lebih utama daripada junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu alaihi wasallam. Lihat tafsiran berkenaan surah Yusuf. Maqamnya (darjah kedudukan) ialah maqam "nuftah", sedang maqam Nabi Muhammad (SAW) ialah maqam 'alif" - katanya. Kitab "Al-Bayan" yang dikarangkan ialah lebih utama daripada kitab suci Al-Quran -katanya lagi.

Inilah iktikad dan fahaman kaum Bahaiyah yang terang nyata sesat dan kufurnya. Rasanya tidak ada sesiapa yang akan termasuk ke dalam perangkap mereka melainkan golongan yang tidak mendapat pelajaran Islam dan sengahaja diberikan oleh saudara-saudaranya yang tidak bertanggungjawab.

Habaya-habaya jangan terpedaya.

**HAMID BIN SIAUSA**  
SUNDRY, CLOTH AND NEWSAGENT  
199, JALAN BAKEK,  
PONTIAN.  
Phone No. 41.

-----  
Penjual buku-buku, Majalah dan surat khabar-surat khabar serta barang-barang kain.